



## MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### **C. JAWATAN**

<b>Jawatan</b>	:	Pembantu Tadbir ( Kewangan )
<b>Gred</b>	:	W19
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	Pelaksana
<b>Taraf Perkhidmatan</b>	:	Sambilan
<b>Kekosongan</b>	:	Tiga ( 3 )
<b>Jadual Gaji</b>	:	RM54.00 / Sehari

### **SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut;
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan ( Simpan Kira- kira ) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - (vi) Keutamaan diberikan kepada calon yang berasal / menetap di Daerah Ranau, Semporna dan Sandakan;
    - (vii) Keutamaan diberikan kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian ( sekurang-kurangnya Gred C ) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **CARA MEMOHON**

1. Permohonan jawatan hendaklah menyertakan dokumen seperti berikut :
  - surat permohonan jawatan
  - maklumat peribadi beserta dengan gambar berukuran passport
  - kelulusan dan pengalaman bekerja (jika ada)
  - sijil-sijil dan lain-lain dokumen yang telah disahkan.
2. Permohonan yang telah diisi lengkap hendaklah diajukan ke alamat:-

**Setiausaha**  
Majlis Ugama Islam Sabah  
Tingkat 5, Blok A, Wisma MUIS  
**88100 KOTA KINABALU**

3. Tarikh tutup permohonan ialah pada: **19 MEI 2023**
4. Calon-calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui telefon untuk proses temuduga.